

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG
(TANJONG PIAI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas dan kerosakan jalan di sekitar kawasan pembinaan My Rapid Transit (MRT) yang dijangka siap sepenuhnya menjelang 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan supaya Projek MRT Laluan 1 dari Sungai Buloh ke Kajang dilaksanakan setelah

mengambil kira manfaat besar yang bakal diperolehi oleh rakyat melalui penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam MRT yang cekap, selesa, selamat dan berintegrasi dengan mod pengangkutan awam rel lain iaitu; LRT, Monorail dan Komuter. Bagaimanapun, Kerajaan sedia maklum bahawa pembinaan Projek MRT yang sedang rancak dilaksanakan pada masa ini, memberikan ketidakselesaan kepada pengguna jalan raya terutamanya masalah kesesakan lalu lintas dan kerosakkan jalan raya di sekitar kawasan pembinaan MRT. Oleh itu, bagi meminimumkan keadaan sedemikian, langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan*) yang komprehensif dilaksanakan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan memastikan aliran trafik yang lancar;
- ii. Penutupan lorong dan jalan yang sibuk hanya akan dilaksanakan pada waktu bukan puncak seperti pada waktu malam bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas;
- iii. Penutupan lorong dan jalan akan dimaklumkan melalui media massa dari semasa ke semasa supaya pengguna jalan raya mendapat informasi terkini mengenai status kedudukan trafik; dan
- iv. Bagi mana-mana jalan yang rosak, pihak kontraktor telah memastikan

tindakan segera diambil dengan memperbaiki semula jalan yang rosak supaya ia berada dalam keadaan yang selamat untuk digunakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN : 132

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah perancangan untuk membenarkan cermin gelap kenderaan mengikut piawaian yang sudah diterima oleh kebanyakan negara maju.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa responsif terhadap keperluan rakyat terutamanya permintaan supaya dikaji semula tahap ketelusan cahaya (*Visible Light Transmittance* – VLT) bagi cermin kenderaan. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah menerima pandangan bahawa kadar VLT perlu dikaji atas faktor-faktor berikut:

- (i) cuaca panas di negara kita dan ditambah dengan masalah pemanasan global serta kesesakan lalu lintas;
- (ii) kejadian pecah kenderaan terutamanya kenderaan jenis MPV berikutan barang yang dibawa mudah dilihat dari luar; dan
- (iii) peraturan sedia ada adalah tidak selaras dengan amalan/praktis di negara-negara luar.

Untuk makluman, secara amnya kajian mendapati tahap ketelusan cahaya tidak memberi kesan yang ketara kepada perubahan suhu dalam kenderaan. Walau bagaimanapun, mengambilkira permintaan rakyat, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan satu bengkel pada 2 dan 3 Jun 2014 sebagai suatu langkah *engagement* dalam mendapatkan maklumbalas secara menyeluruh. Bengkel ini melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan iaitu agensi

Kerajaan, pemain industri, badan bukan Kerajaan dan ahli akademik. Secara amnya, hasil rumusan bengkel adalah berikut:

- (i) mengekalkan kadar VLT bagi cermin hadapan pada tahap 70% dan cermin sisi pemandu pada tahap 50% sepertimana sedia ada; dan
- (ii) meminda peraturan sedia ada berhubung kadar VLT bagi cermin sisi penumpang sebelah belakang dan belakang kenderaan daripada 50% kepada 30%;
- (iii) penyeragaman/penyelarasan aktiviti penguatkuasaan oleh agensi-agensi penguatkuasa mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan termasuk *tolerance rate* terhadap bacaan kadar VLT sebanyak 5%; dan
- (iv) pengeluaran sijil jaminan atau dokumen pengesahan kepada pengguna oleh premis aksesori kenderaan bagi memastikan kadar ketelusan cahaya terhadap cermin yang dipasang dengan filem penapisan haba adalah menepati kadar VLT yang dibenarkan bagi melindungi kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua,

Bengkel tersebut secara amnya mengesyorkan untuk mengekalkan kadar VLT bagi cermin hadapan dan sisi pemandu kerana penurunan kadar VLT bagi cermin hadapan dan sisi pemandu akan memberi kesan terhadap *visibility* pemanduan (pemandu kenderaan dan pengguna jalan raya), interaksi pemanduan dan *response time* terutamanya pemandu yang lanjut

usia. Hasil rumusan bengkel ini yang menyentuh dari aspek peraturan sedia ada, penguatkuasaan dan kepenggunaan akan diangkat kepada perhatian Kerajaan untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ROZMAN BIN ISLI
(LABUAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah perancangan untuk memberikan subsidi minyak diesel kepada pengusaha-pengusaha feri penumpang dan kenderaan antara Labuan dan Sabah.

JAWAPAN

Pengusaha-pengusaha feri penumpang dan kenderaan antara Labuan dan Sabah telah sedia diberi subsidi diesel sejak Februari 2012.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**
SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah sebuah Kolej Komuniti akan dibina di Labuan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA), politeknik atau kolej komuniti dibuat dengan mengambilkira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujuan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi setempat, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja. Tambahan pula, Jemaah Menteri pada 8 September 2004 telah bersetuju supaya Kolej Komuniti dibina mengikut keperluan dan tidak di setiap daerah atau kawasan Parlimen.

Pada masa ini, telah terdapat lapan (8) buah kolej komuniti di negeri Sabah iaitu Kolej Komuniti Tawau, Kolej Komuniti Lahad Datu, Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Semporna, Kolej Komuniti Sandakan, Kolej Komuniti Tambunan, Kolej Komuniti Penampang dan Kolej Komuniti Kota Marudu.

Oleh itu, Kementerian berpandangan kolej komuniti sedia ada yang berhampiran seperti Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Penampang di Sabah dan juga Kolej Komuniti Miri di Sarawak masih mampu menampung permintaan daripada lepasan sekolah

menengah, di Labuan dan persekitarannya. Walau bagaimanapun cadangan pembinaan Kolej Komuniti Labuan akan diberikan pertimbangan sewajarnya tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

RT134

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATUK ROZMAN BIN ISLI
KAWASAN : LABUAN

SOALAN:

YB. DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk membina jalan raya baru secepat mungkin untuk membantu Labuan menangani masalah kekurangan kawasan perindustrian pada tahap kritikal pada masa ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan Kerajaan untuk meningkatkan jaringan jalan raya di seluruh negara, termasuk di Wilayah Persekutuan Labuan dibuat berpandukan kepada Laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan (HNDP).

Kajian HNDP bagi Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan (2010) antara lain telah mengenal pasti 7 projek jalan baru dan 5 projek menaik taraf jalan sedia ada yang akan dilaksanakan di Labuan sehingga tahun 2025. Antara cadangan projek jalan baru di Labuan itu ialah membina jalan dari Pantai Tanjung Aru – Kg. Nagalang (5km), Taman Pearl – Ranche-Ranche (2.5km), dan Taman Tan Bon How ke Orkid Lake (4.5km). Manakala antara projek menaik taraf jalan sedia ada pula ialah melibatkan Jalan Ranche-Ranche (3.5km), Jalan Batu Arang (3km), dan Jalan Mohd Salleh – Panchur Hitam (7km).

Cadangan pelaksanaan sebahagian daripada projek di atas telah dikemukakan kepada Agensi Pusat untuk tujuan kelulusan dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10. Sehubungan itu, kementerian ini sentiasa berunding dengan Agensi Pusat untuk memastikan cadangan projek-projek infrastruktur jalan di Labuan itu akan diberikan keutamaan yang tinggi untuk dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10 dan RMKe-11 yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : Y.B. DATO' ROZAMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' ROZAMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah perancangan untuk menjadikan kampus Labuan International School (LIS) yang ada sekarang dijadikan sebagai pusat pengajian tinggi memandangkan ianya mempunyai kemudahan cukup untuk tujuan tersebut? Pada masa yang sama, jumlah penuntut LIS sekarang adalah kecil (350 orang sahaja).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum menerima sebarang permohonan daripada Labuan International School (LIS) untuk menukarkan status daripada sekolah antarabangsa kepada pusat pengajian tinggi. Pada masa ini LIS merupakan institusi pendidikan swasta yang turut tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]**
SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk membina semula 4 Buah sekolah rendah di Sabah yang terbakar baru baru ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Empat (4) buah SK yang terbakar di Sabah adalah SK Pekan Kiulu, SK Gadong, SK Tempasak dan SK Simpangan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah pun mengemukakan permohonan peruntukan untuk SK Pekan Kiulu dan SK Gadong dalam *Rolling Plan* Keempat bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, kelulusan permohonan ini adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan negara. Bagi SK Tempasak dan SK Simpangan pula permohonan telah dikemukakan untuk tindakan selanjutnya.